

Penularan COVID-19

Bekalan fasa pertama vaksin tiba 26 Februari

Pfizer-BioNTech diagih berperingkat ke negeri dalam tempoh dua minggu

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu: Negara dijangka menerima bekalan fasa pertama vaksin Pfizer-BioNTech pada 26 Februari ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Apabila tiba di pintu masuk antarabangsa, vaksin itu kemudian kita akan agihkan secara berperingkat ke negeri-negeri dalam tempoh satu hingga dua minggu," katanya selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat COVID-19 di Pejabat Menteri Besar di Wisma Darul Iman, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Pada 24 November lalu, Malaysia dilaporkan membeli 12.8 juta dos vaksin Pfizer-BioNTech menampung keperluan imunisasi 20 peratus atau 6.4 juta rakyat negara ini secara percuma. Kerajaan juga memberi komitmen untuk membeli tambahan 12.2 juta dos lagi vaksin sama.

Dalam perkembangan berkaitan,

Dr Noor Hisham berkata setakat ini seramai 141 sukarelawan sudah menerima suntikan bagi Kajian Klinik Fasa 3 Vaksin COVID-19, iaitu SARS-COV-2, yang ditaja Institut Biologi Perubatan Akademik Sains Perubatan China (IMBCAMS).

Mereka yang menerima suntikan itu adalah antara 3,000 sukarelawan berusia 18 tahun ke atas yang dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan.

"Jumlah sukarelawan kita mahu 3,000 sahaja, tetapi jumlah yang mohon lebih ramai daripada angka itu, jadi kita akan buat pemilihan," katanya.

Mengenai kes pelaporan lewat kes ke Pusat Kesiapsagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan, Kementerian Kesihatan oleh fasiliti swasta, Dr Noor Hisham berharap ia dapat diselesaikan seminggu lagi.

Pihaknya juga berharap fasiliti swasta berdaftar seperti klinik dan hospital dapat melaporkan kes positif kepada CPRC di negeri masing-masing sebelum jam 12 tengah hari setiap hari.

"Kita lihat makmal swasta apabila mereka dapat keputusan me-



Dr Ahmad Samsuri memperkatakan sesuatu kepada Dr Noor Hisham selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat COVID-19 di Pejabat Menteri Besar di Wisma Darul Iman, semalam. (Foto BERNAMA)

reka kena masukkan keputusan itu dalam sistem informasi maklumat kesihatan awam, jadi kalau ada kelewatan masuk data itu maka kita akan terima data itu lewat," katanya.

Kelmarin, Dr Noor Hisham dilaporkan berkata peningkatan jumlah kes harian yang mendadak hingga melepasi angka 5,000 selama tiga hari berturut-turut disebabkan oleh pelaporan lewat kes ke CPRC Kebangsaan termasuk kes yang dikesan positif pada 2020.

Peningkatan kes yang mendadak itu disebabkan oleh saringan kontak rapat dan saringan kumpulan berisiko tinggi yang dijalankan secara besar-besaran di beberapa negeri.

Sementara itu, beliau berkata, situasi wabak COVID-19 di Terengganu masih terkawal, walaupun negeri itu mencatat kadar kebolehhajangan (Rt) harian yang tertinggi di negara ini minggu lalu.

Kementerian Kesihatan kini sedang mempertingkatkan aktiviti

Jumlah sukarelawan kita mahu 3,000 sahaja tetapi jumlah yang mohon lebih ramai daripada angka itu, jadi kita akan buat pemilihan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

kesihatan awam di Terengganu bagi membendung penularan pandemik itu.

"Walaupun Terengganu sebelum ini negeri hijau, aktiviti merentas negeri menjadikan kes bertambah dan Rt atau kadar kebolehhajangan meningkat tetapi jumlah kes masih terkawal," katanya.

Selasa lalu, Dr Noor Hisham memaklumkan Terengganu mencatatkan Rt harian tertinggi di

negara ini iaitu pada 1.36 setakat 25 Januari lalu.

Berdasarkan infografik yang dikongsikan menerusi Twitter, Melaka merekodkan Rt kedua tertinggi pada 1.28, diikuti Sarawak (1.25), Putrajaya (1.19), Perak (1.17), Kedah (1.15), Perlis (1.15), Kuala Lumpur (1.12), Labuan (1.11) Pahang (1.1), Selangor (1.1) dan Kelantan (1.09).

Johor, Sabah, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang pula merekodkan Rt paling rendah, masing-masing pada 1.04, 1.03, 1.01 dan 1.0, manakala Rt untuk seluruh negara pula ialah 1.04.

Hingga kelmarin, Terengganu mencatatkan 2,142 kes positif COVID-19 termasuk 83 kes baharu.

Mengenai 48 petugas kesihatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dijangkiti COVID-19, Dr Noor Hisham berkata, hingga kini proses pembersihan dan sanitasi di hospital itu masih dijalankan.

"Kita juga akan menyokong dan pastikan petugas kita yang dijangkiti COVID-19 akan bersemangat kembali untuk berkhidmat," katanya.